

Meningkatkan Motivasi dan Pencapaian Pelajar Melalui Drama

Azriana Abdul Manan

azriana_abdul_manan@moe.edu.sg
Sekolah Menengah Yusof Ishak

Abstrak

Memupuk minat kepada pembelajaran Bahasa Melayu menjadi cabaran bagi setiap guru. Pelajar tidak kerap menggunakan Bahasa Melayu juga sebagai bahasa komunikasi dan ini melemahkan penguasaan bahasa mereka. Kajian pengajaran ini adalah kajian awal guru untuk menerapkan teknik drama dalam mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu pelajar bagi mengasah kemahiran menjawab peperiksaan dan pada masa yang sama, menyemai rasa cinta kepada bahasa melayu. Drama dalam pengajaran ini juga berupaya untuk membentuk perwatakan dan menyemai nilai dalam diri pelajar. Prinsip PETALS dan drama sebagai pedagogi dijadikan sebagai panduan dan sandaran dalam persiapan melakarkan pengajaran menggunakan aktiviti berdrama untuk mencapai objektif pengajaran yang berbeza serta produksi teater Lebai Malang. Kajian ini melibatkan sekumpulan pelajar menengah 2 Ekspres dan 2 Normal Akademik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa drama menerusi persembahan teater berjaya memupuk nilai-nilai yang positif dalam diri pelajar. Pada masa yang sama, berjaya untuk meningkatkan rasa cinta kepada Bahasa Melayu serta meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Kata Kunci: Drama, Prinsip PETALS, teknik drama, penguasaan bahasa, motivasi pelajar



PENGENALAN

Dalam zaman yang serba canggih dan moden ini penggunaan bahasa Melayu dalam konteks kehidupan sehari-harian semakin berkurangan. Berdasarkan pemantauan harian, para pelajar semakin canggung menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Ini menyebabkan penguasaan bahasa Melayu pelajar semakin lemah. Kecenderungan bertutur dalam bahasa Melayu juga semakin menurun. Oleh itu, penting bagi guru menarik minat para pelajar menggunakan Bahasa Melayu. Drama sebagai salah satu pendekatan pengajaran diharapkan dapat membantu dalam usaha ini. Bukan itu sahaja, teknik drama dan pementasan atau produksi drama dapat dijadikan strategi yang berkesan. Penggunaan teknik drama dan produksi drama ini adalah bersandarkan prinsip PETALS yang terdiri daripada 5 dimensi dalam latihan yang mempromosikan pembelajaran secara aktif di dalam kelas. Penggunaan visual, oral, verbal, kinestetik, logika, sosial mahupun secara bersendirian (*solitary*) mampu menarik minat pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang pelbagai ragam.

Pengalaman dalam pembelajaran (*Experience of Learning*) yang positif melalui drama mampu mencabar pelajar daripada pelbagai aspek – minda, fizikal, perwatakan dan sosial. membantu dalam proses ini. Intonasi dalam suasana sama ada secara fizikal melalui kelas yang dapat diubah menjadi teater dan suasana emosi dari segi persiapan sebelum produksi teater telah menimbulkan kesan yang positif membolehkan pelajar lebih positif dalam menerima produksi teater dan teknik drama di dalam pengajaran dan pembelajaran. Penilaian adalah lebih bersifat summatif melalui pencerapan guru, tinjauan dan maklumbalas pelajar, guru-guru serta para penonton. Teknik drama dan produksi teater haruslah dikaitkan dan ditonjolkan kerelevannya kepada para pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam melaksanakan kajian ini, guru perlu berhadapan dengan cabaran-cabaran pelajar seperti berikut:

1. kurang komitmen dan minat terhadap drama.
2. memerlukan masa latihan yang lama bagi satu-satu pementasan atau produksi.



3. tidak dapat menjiwai watak yang diberikan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk:

1. meningkatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi;
2. memupuk minat dan cinta kepada Bahasa Melayu; dan
3. menyemai nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

KAJIAN LEPAS

Minda manusia tidak secara alaminya cenderung untuk berfikir kerana berfikir memerlukan usaha, berlaku secara perlahan dan tidak menjanjikan kejayaan. Oleh itu manusia tidak bergantung kepada pemikiran secara sedar tetapi sebaliknya banyak bergantung kepada memori. Walau bagaimanapun, apabila proses berfikir dapat dilakukan dengan berjayanya, manusia berasa berpuas hati. Oleh itu manusia mencari peluang untuk berfikir tetapi, manusia hanya memilih masalah yang memberi cabaran dan pada masa yang sama, dapat diselesaikan dengan berjayanya. Menurut Keith West (2011), drama dapat merangsang kreativiti dalam menghuraikan masalah dan pada masa yang sama mencabar persepsi mereka tentang alam sekeliling mereka dan tentang diri mereka sendiri.

Sabrina Chang (2012) mendapati, melalui drama pelajar dapat dilibatkan dalam pelbagai cara dan melalui proses ini pelajar berpeluang untuk melalui proses berfikir dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Pada masa yang sama, teknik drama dalam pengajaran dapat menepati objektif pembelajaran dalam meningkatkan kemahiran yang ingin disemaikan.

Battye (2007) berpendapat penggunaan drama dalam pengajaran di sekolah menggalakkan pelajar membina keyakinan dalam diri pelajar dengan berkesan. Ini merangkumi penguasaan terhadap bahasa, pengasahan bakat berdrama dan penguasaan bahasa teater serta menggunakan aksi yang diterima masyarakat secara amnya dalam menyelesaikan masalah yang terjadi di dalam sebuah masyarakat.



KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Subjek kajian adalah sekumpulan 16 pelajar menengah 2 daripada dua aliran Ekspres dan Normal Akademik. Para pelajar telah didedahkan kepada teknik berdrama sejak dari menengah satu lagi. Pelajar mempunyai sikap yang positif dan akan berlakon dan memberi yang tumpuan dalam aktiviti kelas dari segi mimik muka, aksi dan penggunaan suara. Hanya 6 orang pelajar lebih selesa menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Walau bagaimanapun kesemua pelajar yang terlibat bersikap neutral terhadap Bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Beberapa instrumen kajian telah dipilih dan digunakan dalam kajian ini. Antara instrumen yang digunakan adalah:

1. Temubual: Instrumen ini lebih bersifat kualitatif. Temubual ini melibatkan pelajar, guru dan juga ibu bapa yang menyaksikan pementasan drama yang dipentaskan.
2. Respons *Post-it*: Respons ini dicatatkan dalam bentuk menulis. Responden akan memberikan maklum balas dengan pantas dan akan menampalkannya pada papan notis yang disediakan.
3. Pemantauan guru: Guru menjalankan pemantauan dan pemerhatian terhadap sikap dan reaksi murid.

Prosedur Kajian

Prosedur kajian ini melibatkan latihan yang melibatkan aktiviti berdrama pelajar. Dalam aktiviti ini pelajar diajar akan teknik berdrama mengikut tahap-tahap pelaksanaannya.

Bermula dari latihan asas, diikuti dengan pelajar diberikan watak-watak tertentu hinggalah kepada tahap intensif. Pengkaji akan menyesuaikan instrumen kajian untuk mendapatkan data serta maklum balas yang relevan.



Antara aktiviti drama yang dilakukan semasa latihan adalah seperti berikut:

1. aktiviti-aktiviti menarik untuk merapatkan hubungan dengan rakan-rakan baru;
2. aktiviti drama yang meningkatkan rasa keyakinan diri untuk menghilangkan rasa malu yang menghambat dalam aktiviti drama;
3. pelajar-pelajar telah dikenalpasti untuk mendukung watak-watak yang terdapat di dalam skrip *Lebai Malang*; dan
4. pelajar diajar untuk menyanyi dan menari kerana produksi ini adalah berbentuk muzikal.

Jadual 1: Latihan yang Bertahap-tahap

Aktiviti	Bulan	Bilangan Latihan	Purata masa latihan
Latihan Asas	Jun	Seminggu 4kali	4 jam
Pelajar telah diberikan watak masing-masing	Julai	Seminggu 3 kali	
Latihan Intensif	Ogos	Seminggu 5 hingga 6 kali	
Pementasan 'Lebai Malang'	30hb Ogos		

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan maklum balas guru, pelajar lebih yakin diri dan positif. Pelajar lebih berani untuk menonjolkan diri dan secara sukarela menawarkan diri mereka untuk melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti di bawah naungan Jabatan Bahasa Melayu sama ada ada kaitan dengan drama ataupun tidak.

Pelajar lebih berminat melibatkan diri dengan aktiviti Bahasa Melayu berbanding dengan dahulu dan menawarkan diri secara sukarela. Satu contoh, para pelajar yang mewakili sekolah dalam Pertandingan *Soliloquy*, daripada 6 pelajar 3 adalah pelajar yang terlibat dalam pementasan *Lebai*



Malang. Persembahan pelajar produksi Lebai Malang kelihatan lebih mantap dan berkeyakinan.

Pelajar lebih yakin dalam mempersiapkan diri mereka untuk bertanding dalam peraduan yang mahu diturut serta. Persiapan yang dilakukan pelajar adalah seperti penulisan skrip, membina *props*, menyiapkan pakaian dan berlatih.

Kesungguhan pelajar dalam menghasilkan satu drama pendek sempena hari terbuka Sekolah Menengah Yusof Ishak adalah bukti kepada peningkatan minat pelajar kepada Bahasa Melayu. Drama pendek itu adalah hasil usaha pelajar-pelajar itu sendiri berdasarkan kolaborasi bersama.

Berdasarkan maklum balas pelajar yang terlibat dalam produksi Lebai Malang ini, pengalaman Lebai Malang ini adalah sesuatu yang amat menyeronokkan sekali. Pelajar yang terlibat belajar tahu erti kerja keras dan tidak mengenal erti penat. Pelajar mempelajari nilai masa dan tidak membuang masa dan memastikan kerja rumah mereka masih dapat dihabiskan dan ujian-ujian kelas mereka berjaya. Mereka belajar mengenai disiplin. Mereka juga dapat merasakan yang diri mereka lebih berkeyakinan dan kurang malu dalam menghadapi penonton.

Berdasarkan maklum balas penonton pula, mereka terhibur dengan pementasan drama muzikal Lebai Malang kerana pelakonnya pelajar dan mereka dapat menghayati watak dengan baik.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat menyerlahkan peranan drama dalam meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar. Perancangan awal dalam memupuk kemahiran berdrama perlu dirancang dan diakhiri dengan satu pementasan. Melalui pementasan ini kemahiran berdrama yang telah dipelajari dapat dipantau dan dinilai. Pementasan ini juga membantu pelajar meraih pengalaman yang tidak mungkin akan dapat mereka lupakan. Pelajar dapat mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari di depan penonton- penonton yang hadir dalam Teater Muzikal Lebai Malang.



RUJUKAN

- Battye.S. (2007). *Using Drama in the Classroom*. New Jersey. Educational Impressions.
- Chang, Sabrina. (2012) *Second Language Learning Through Drama dalam Joe Winston*. London. Routledge.
- Daniel Willingham, (2009). *Why Don't Students Like School? A Cognitive Scientist Answers Questions about how the Mind Works and what it Means for the Classroom*. Jossey Bass A Wiley Imprint.
- Keith West (2011). *Inspired Drama Teaching A Practical Guide for Teachers*. London Continuum.
- Mandie M. Moore (2004). *Using Drama as an Effective Method to Teach Elementary Students*. Eastern Michigan University Digital Commons @ EMU Senior Honors Thesis Paper 113
- Maley A. And Duff A. (1979). *Drama Techniques in Language Learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Maley A. And Duff A. (2001). *Drama Techniques in Language Learning: A resource book for Communication Activities for Language Teachers*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Maley A. And Duff A. (2005). *Drama Techniques in Language Learning: A resource book for Communication Activities for Language Teachers*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Peregoy and Boyle (2008). *Using Drama and Movement to Enhance English Language Learners' Literacy Development*. PearsonHigher.com
- Robiah Kulop Hamzah (1989). *Pengendalian Aktiviti Drama dalam Pendidikan di luar bilik darjah*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Drama dalam Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 14 -15 Okt.
- Rahmah Bujang (1989). *Falsafah dan Matlamat Drama dalam Pendidikan*. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Drama dalam Pendidikan*. Universiti Pertanian Malaysia Serdang, 14 – 15 Okt.

SUMBER DARI INTERNET

- <http://www.learning-styles-online.com/overview/>
- <http://angrini.blogspot.sg/>
- http://www98.griffith.edu.au/dspace/bitstream/handle/10072/40545/70023_1.pdf?sequence=1
- <http://www.moe.gov.sg/media/press/2008/01/more-support-for-schools-teach.php>

